

# ***e-Dinamik***

MAJALAH DIGITALAKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

eISSN: 2682-7832



## **EDISI KETUJUH 2025**



اَبُو رَسِيْمِي تَبَاكُو لُو كِي مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



## PERUTUSAN REKTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh sidang editorial atas komitmen, ketekunan, dan dedikasi dalam memastikan penerbitan ini terus menjadi wadah intelektual yang bermakna.



Penerbitan e-DINAMIK bukan sahaja berfungsi sebagai medium dokumentasi hasil penulisan ilmiah, kreatif dan penyelidikan, malah menjadi platform penting bagi warga akademia untuk menyalurkan idea, pandangan, dan dapatan kajian dalam pelbagai bidang. Edisi kali ini tampil lebih segar dengan isu-isu semasa yang menyentuh pelbagai aspek global yang kian kompleks.

Saya percaya usaha ini mampu memperkukuh budaya penulisan akademik dalam kalangan pensyarah serta menyemarakkan amalan perkongsian ilmu merentasi sempadan disiplin. Melalui inisiatif ini juga, diharapkan lebih ramai pensyarah dan penyelidik dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan penerbitan berimpak serta berindeks antarabangsa.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) bersama pasukan editorial yang sentiasa konsisten memastikan kesinambungan penerbitan e-DINAMIK dari tahun ke tahun. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi, rujukan dan motivasi kepada seluruh warga UiTM serta pembaca di luar sana.

Akhir kata, saya berharap e-DINAMIK 2025 ini akan terus menjadi medan ilmu yang dinanti-nantikan setiap tahun. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi manfaat buat semua.

Sekian, terima kasih.

**PROFESOR MADYA DR. SAUNAH ZAINON**

Menjalankan Fungsi Rektor  
UiTM Cawangan Johor

## PERUTUSAN TIMBALAN REKTOR BPJIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat direalisasikan.



Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, atas sokongan dan dorongan yang berterusan dalam memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan akademik di UiTM Cawangan Johor. Sesungguhnya, e-DINAMIK telah menjadi wahana penting untuk menyalurkan idea, mengasah bakat serta mendokumentasikan pelbagai bentuk penulisan merangkumi karya, kreatif, laporan aktiviti dan isu semasa yang berkaitan dengan warga akademia.

Lebih daripada sekadar sebuah majalah digital, e-DINAMIK merupakan cerminan kecemerlangan akademik UiTM Cawangan Johor, selain membuka ruang yang lebih luas untuk mengetengahkan pencapaian, keterlibatan komuniti, serta perkembangan fakulti dan jabatan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Saya percaya usaha ini juga dapat meningkatkan visibiliti universiti di persada negara mahupun antarabangsa.

Penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa komitmen padu sidang editorial serta sumbangan para penulis yang dengan ikhlas berkongsi masa, tenaga, dan ilmu demi menjayakan hasrat murni ini. Saya amat berharap inisiatif sebegini dapat menyemarakkan lagi minat warga akademia untuk terus berkarya serta menghasilkan penulisan bermutu tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-DINAMIK Edisi 2025. Semoga usaha ini berterusan dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.



**DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN**

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri)  
UiTM Cawangan Johor



## **PENAUNG**

Profesor Madya Dr. Saunah Zainon

## **PENASIHAT**

Dr. Faridah Najuna Misman

## **PENYELARAS**

Dr. Nur Fatimah Shaari  
Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

## **KETUA EDITOR**

Aidarohani Samsudin

## **PENOLONG KETUA EDITOR**

Dr. Fatin Farazh Ya'acob

## **EDITOR AKADEMI PENGAJIAN BAHASA**

Zuraidah Sumery  
Farhana Idris  
Siti Aishah Taib

## **EDITOR AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI**

Munirah Zakaria  
Mohamad Zaki Razaly  
Dr. Muhammad Fahmi Md Ramzan



**SIDANG REDAKSI**

**EDITOR JABATAN UNDANG-UNDANG**

Norintan Wahab  
Zuramaznum Sainan

**EDITOR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN**

Ainol Mardhiyah Rahmat  
Che' Khalilah Mahmood  
Dr. Nur Fatihah Shaari  
Dr. Suhana Mohamed  
Ferri Nasrul  
Mohamad Azwan Md Isa  
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen  
Norfariza Mohd Ali  
Rosmah Abd Ghani @ Ismail  
Ruziah A. Latif  
Siti Noorhaslina Abd Halim  
Siti Nordiyana binti Ishak  
Zaibedah Zaharum

**EDITOR FAKULTI PERAKAUNAN**

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman  
Juyati Mohd Amin  
Nuruu Ain Fauzi  
Nursia Yuhanis

**EDITOR FAKULTI SAINS GUNAAN**

Dr. Saiful Najmee Mohamad



## **EDITOR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman  
Rohayu Ahmad  
Siti Hasma Hajar Mat Zin

## **EDITOR FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK**

Haslenda Yusop  
Dr. Nur Syamilah Arifin  
Dr. Wan Munirah Wan Mohamad  
Noraisyah Abdl Aziz

## **EDITOR FAKULTI KEJURUTERAAN**

Azyan Zafyrah Mohd Zahid  
Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani  
Noorashiekin Khalid  
Mazni Mat Zin  
Nurrul Amilin binti Zainal Abidin  
Nurulnatisya binti Ahmad  
Ts. Dr. Siti Aminah Nordin  
Ts. Muhammad Imran Ismail

## **REKABENTUK DAN GRAFIK**

Shahrul Amir Bin Shaheran  
Mohamad Hanif Bin Awaludin



## HATI-HATI: SKIM PONZI DAN PIRAMID

Syazwani Abd Rahim, Siti Noor Ain Aziz, Aemy Aziz

**Mengenal Dua Asas Skim Penipuan Dalam Perniagaan Masa Kini.** Berdasarkan pemerhatian ke atas penipuan yang berlaku khususnya dalam skim pelaburan dan perniagaan, modus operandi mereka adalah berdasarkan 2 skim penipuan yang utama, iaitu: (1) Skim Ponzi dan (2) Skim Piramid.

- **Skim Ponzi**

Skim Ponzi merujuk kepada pelaburan berunsur penipuan yang membuat bayaran kepada pelabur di peringkat awal menggunakan duit pelabur yang melabur di peringkat yang lebih bawah. Pembayaran ini bukanlah datang daripada keuntungan sebenar perniagaan (*Ponzi Scheme*). Walaupun kadangkala perniagaan sebenar dijalankan, namun ia hanyalah di peringkat permulaan atau hanya meliputi sebahagian duit deposit yang diterima dengan tujuan mengaburkan mata pelabur dan masyarakat umum.

- **Skim Piramid**

Skim Piramid merujuk kepada satu bisnes model (berbentuk piramid – sedikit di bahagian atas dan bertambah banyak apabila berpindah ke bahagian bawah) yang tidak dapat bertahan, melibatkan pertukaran dan perpindahan duit dalam kalangan peserta-peserta bermula daripada peringkat atas sehingga ke akhirnya. Kebiasaannya, Skim Piramid asli tidak melibatkan penjualan produk atau perkhidmatan. Kedua-dua skim ini atau Skim Ponzi semata-mata dimodifikasi menjadi seolah-olah satu bentuk pelaburan di dalam sektor-sektor yang menarik seperti sektor minyak dan gas, pelaburan pesisir pantai (*off shore*), perundingan kewangan, jual beli sekuriti kewangan, pengurusan dana kewangan yang melabur di dalam sekuriti kewangan dan pasaran hadapan (*futures*), jual beli mata wang asing, hartanah, teknologi, komoditi perladangan, emas dan lain-lain.



Perbezaan di antara kedua-dua skim ini diterangkan di dalam jadual di bawah:

Bil.	Aspek Perbezaan	Skim Ponzi	Skim Piramid
1	<b>Penerimaan Wang dan Pertemuan Langsung dengan Peserta Baru (Mangsa)</b>	Di dalam skim ini, pengelola terlibat sebagai "hub" atau pusat pembayaran dan penerimaan wang kepada mangsa. Pengelola bertemu dengan setiap mangsa secara langsung.	Dalam skim ini, pihak peserta di peringkat awal yang bertanggungjawab untuk merekrut peserta baru dan mendapat bayaran / wang secara langsung daripada mangsa yang di bawahnya.
2	<b>Kaedah Pemasaran</b>	Dalam skim ini, biasanya pemasaran dilakukan secara tertutup dengan beberapa individu yang penting sahaja dan biasanya menumpukan pemasaran kepada para pelabur yang kaya.	Skim ini secara terang-terangan melakukan pemasarannya dan tanpa keahlian baru maka tiadalah "pendapatan" untuk peserta.
3	<b>Jumlah Keahlian dan Ketahanan Model Pelaburan</b>	Skim ini biasanya boleh bertahan lebih lama walaupun ahlinya cuma sedikit, iaitu dengan menggalakkan peserta menambah lagi wang pelaburannya.	Skim ini lebih mudah runtuh kerana memerlukan kemasukan peserta baharu yang ramai untuk membolehkan ia terus bertahan.

### Amaran terhadap riba dan penindasan

"Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba." (Surah al-Baqarah, 2:275)

✦ Walaupun skim ini disamarkan sebagai "pelaburan", hakikatnya ia menyerupai riba kerana keuntungan dijanjikan tanpa usaha atau urus niaga sebenar, malah mengandungi unsur penindasan terhadap peserta yang berada di peringkat bawah. Masyarakat wajar diberi didikan mengenai dua skim penipuan ini agar mereka dapat mengetahui modus operandi di sebalik skim perniagaan dan pelaburan yang menipu.

Rujukan: Angkatan Pertama Daurah Fiqh Maahad Al-Musthofa. (2022). Fahami Muamalat Sehari-hari Anda (Edisi baru). Maahad Al-Musthofa. ISBN 978-967-14264-5-6

